

Generasi kita perlu celik 'Sejarah Islam'

Pengalaman penting kembangkan potensi diri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 November. - Pengalaman yang diperolehi oleh para graduan Kolej Universiti Perguruan Ugamma Seri Begawan (KUPU SB) bai'l ia dalam bidang akademik mahupun dalam aktiviti kurikulum adalah merupakan latihan yang sangat penting bagi scorang calon pendidik atau seorang yang khusus berkhdmat dalam perkhidmatan umaga.

Pengalaman itu mustahak diteruskan sebagai cara mengembangkan potensi diri, baik secara formal atau informal.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor KUPU SB bertitah demikian pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-8, Tahun 1440H / 2018M yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Para graduan, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, perlu memberikan sumbangan bakti secara tulis ikhlas, baik dengan tenaga mahupun moral, dalam semua bidang kebaikan.

Kebawah DYMM menambah, dedikasi itulah yang diperlukan daripada para graduan untuk masyarakat dan juga

merupakan satu amalan ihsan sebagaimana Allah menyebut dalam Surah Al-Ankabut ayat 69, tafsirnya : "Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, adalah Kami benar-benar akan menunjukkan kepada mereka jalanan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah itu bersertai orang-orang yang berbuat baik (ihsan)."

"Beta suacita mengambil maklum akan perkembangan yang dicapai oleh KUPU SB melalui laporan tahunannya, iaitu berjaya memantapkan kurikulum yang selaras dengan sistem persekolahan. Begitu berjaya meningkatkan kegiatan intelektual, kemasyarakatan, dakwah, kesihatan dan kebajikan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyatakan bahawa 'Sejarah Islam' adalah sebahagian daripada warisan ketamadunan umat.

Kebawah DYMM menambah, ia tidak wajar dipinggirkkan kerana jika dipinggirkkan bererti kita kihilangan diri sendiri. "Bangsa yang kihilangan diri adalah bangsa yang tercumbang-ambing, kerana mereka lupa akan asal-usulnya," titah baginda.

Terdahulu, baginda bertitah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian di KUPU SB.

Beta sedia memahami bahawa setiap pusat pengajian tinggi itu mempunyai situasi yang berbeza. Lambat ataupun cepatnya mencapai ranking adalah turut ditentukan oleh situasi masing-masing," titah baginda.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugamma Seri Begawan (KUPU SB) sekali lagi mengulangi tentang keperluan mempelajari 'Sejarah Islam'.

"Beta mahu supaya pihak-pihak yang berkenaan dengan perkara ini tidak akan 'dingin' untuk memberikan respons mengenainya, kerana beta tidak mahu generasi kita yang ada dan akan datang tidak celik 'Sejarah Islam,'" titah baginda pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-8, Tahun 1440H/2018M berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyatakan bahawa 'Sejarah Islam' adalah sebahagian daripada warisan ketamadunan umat.

Kebawah DYMM menambah, ia tidak wajar dipinggirkkan kerana jika dipinggirkkan bererti kita kihilangan diri sendiri.

"Bangsa yang kihilangan diri adalah bangsa yang tercumbang-ambing, kerana mereka lupa akan asal-usulnya," titah baginda.

Terdahulu, baginda bertitah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian di KUPU SB.

Beta juga suacita mengucapkan penghargaan kepada para ibu bapa dan penjaga serta sekalian pensyaroh KUPU SB di atas sokongan dan doa mereka untuk kejayaan para



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugamma Seri Begawan (KUPU SB) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-8, Tahun 1440H / 2018M.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

graduan," titah baginda.

Kebawah DYMM merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga KUPU SB, terutama kepada Pengurus dan Ahli-Ahli Majlis Kolej Universiti, Ra'es, Ahli Senat, Pegawai-Pegawai Utama, ahli-ahli akademik serta kakitangan Kolej Universiti atas

khidmat yang disumbangkan.

Baginda turut bertitah agar semua terus menerus berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga KUPU SB menjadi sebuah pusat pengajian yang berkhatar lagi direndai oleh Allah serta mampu untuk memberikan khidmatnya kepada negara dan umat Islam pada umumnya.



ANTARA yang hadir pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-8, Tahun 1440H / 2018M (kiri dan kanan).